

## **Pembudayaan Nilai Patriotisme Melalui Mata Pelajaran Sejarah dalam Strategi Pengajaran Guru Sekolah Rendah: Satu Tinjauan Umum**

*The Cultivation of Patriotism Values Through History Subjects in Primary School Teachers' Teaching Strategies: A General Review*

Ahmad Nasran Mohd Zahari  
<sup>1</sup>Ahamad Jama' Amin Yang

Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan  
Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman  
Kedah Darul Aman

Correspondence e-mail: <sup>1</sup>ahamadjamaamin@ipgm.edu.my

### **ABSTRAK**

*Pembudayaan nilai patriotisme melalui mata pelajaran Sejarah merupakan satu bidang yang meluas terutamanya di peringkat fasa persekolahan. Dalam konteks ini, perwatakan guru sememangnya memainkan peranan penting sebagai watak utama dalam memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) dapat dilaksanakan secara menyeluruh seiring dengan matlamat yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Kertas kerja ini dilaksanakan berdasarkan objektif utama kajian untuk memperincikan strategi pengajaran guru sejarah sekolah rendah dalam membudayakan nilai patriotisme serta dihubungkan dengan isu dan cabaran dalam konteks pembudayaannya melalui mata pelajaran Sejarah dengan menggunakan pendekatan kualitatif berdasarkan tinjauan kajian literatur. Sorotan literatur turut mendapati bahawa strategi pembudayaan nilai patriotisme oleh guru melalui mata pelajaran Sejarah ialah dengan memberi penekanan terhadap konteks seperti aktiviti pembelajaran, penjelasan dan penegasan nilai, latihan dan soal jawab nilai serta contoh teladan yang baik sebagai teras utama pembudayaan. Tinjauan kajian literatur juga menunjukkan isu dan cabaran seperti faktor kekangan masa PdP, tingkah laku murid sepanjang PdP berlangsung dan kekurangan variasi aktiviti pembelajaran turut menjadi penghalang dalam mencapai keberhasilan. Justeru, pendedahan yang diperolehi daripada tinjauan kajian literatur ini mendapati bahawa suatu gambaran jelas dapat dilihat terhadap tahap keberkesanan dalam usaha meningkatkan konteks pembudayaan nilai patriotisme melalui mata pelajaran Sejarah dalam strategi pengajaran guru sekolah rendah.*

**Kata kunci:** *Pembudayaan, Nilai Patriotisme, Mata Pelajaran Sejarah, Strategi Pengajaran, Guru Sekolah Rendah*

### **ABSTRACT**

*Cultivating the value of patriotism through the subject of History is generally seen as a broad and challenging scope, especially in school. In this context, the teachers' characteristics is the main factor in ensuring that teaching and learning sessions (PdP) in schools can be implemented comprehensively in line with the goals outlined in the National Education Philosophy (FPK). This concept paper is prepared based on the main objective of the study which is to know in detail the teaching strategies of primary school history teachers in inculcating the value of patriotism as well as to relate it with the issues and challenges of inculcating it through the subject of History. This study uses a qualitative approach and is based on literature reviews. The literature reviews found that the strategies used by the primary school teachers to inculcate the value of patriotism through the subject of History is by emphasizing the context through learning activities, clarification and affirmation of values, exercises,*

*question and answer session regarding the values, and by setting good exemplar. The literature reviews also showed issues and challenges such as PdP time constraints, student behavior during PdP and the lack of variation in learning activities as obstacles in achieving success. Thus, the findings obtained from these literature reviews give a clear picture of the strategies effectiveness in inculcating the patriotism values through History subject in elementary school.*

**Keywords:** Culture, Patriotism Values, History Subject, Teaching Strategies, Elementary School Teachers

## 1. Pengenalan

Dalam era globalisasi, pendidikan secara dasarnya dapat dibahas sebagai suatu bidang yang cukup mencabar seiring dengan pelbagai halangan dan cabaran dalam proses pelaksanaannya. Asas ini dapat dilihat dengan lebih terperinci kerana dunia hari ini yang berpaksikan pemodenan ternyata telah memberi impak yang cukup besar terhadap nilai kehidupan yang sepatutnya dipupuk dengan jitu melalui sistem pendidikan. Kekangan dan cabaran ini tidak dapat dinafikan kerana generasi kini lebih mudah untuk terpengaruh dengan dunia digitalisasi berbanding dengan pedagogi konvensional yang berteraskan pengajaran dan pembelajaran semata-mata. Peneguhan ini ternyata memerlukan generasi baharu diberi penekanan dan penjelasan bahawa proses pembelajaran bukan sahaja tertumpu di dalam bilik darjah malah turut menjadi keutamaan di luar bilik darjah atau lebih disignifikan sebagai pembelajaran tidak langsung. Pembelajaran secara langsung dan tidak langsung dalam pendidikan Sejarah ini semestinya menjadi titik tolak kepada pembentukan nilai-nilai kehidupan dan pembentukan sahsiah unggul individu. Pembudayaan nilai patriotisme merupakan satu elemen yang sinonim dengan konsep kewarganegaraan yang perlu disemai dalam diri seseorang individu. Pendirian ini sehaluan dengan peribahasa "*melentur buluh biarlah dari rebungunya*" yang menonjolkan bahawa elemen pembudayaan nilai patriotisme ini perlu diterapkan bermula dari peringkat awal seiring dengan pendekatan dan matlamat yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Negara (FPK). FPK ternyata menjadi tunjang kepada sistem pendidikan di Malaysia yang mampu mengembangkan potensi individu dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (Sapie Sabilan et al., 2018).

Seiring dengan penekanan terhadap nilai patriotisme, strategi pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah umumnya merupakan suatu medium utama yang amat penting dalam usaha melenturkan semangat patriotisme dalam generasi muda kini bermula di peringkat awal. Hal ini tidak kerana nilai patriotisme merupakan satu konsep identiti dalaman yang berteraskan rasa sayang dan cinta yang mendalam lahir dari lubuk hati warganegara terhadap tanah airnya (Hamid et al., 2021). Sehubungan itu, tinjauan kajian literatur yang dilaksanakan ini mempunyai asas yang tersendiri berdasarkan keperluan dan peranan mata pelajaran Sejarah dalam memupuk pembudayaan nilai patriotisme melalui strategi pengajaran guru dengan berpaksikan pedagogi yang betul. Usaha ini sememangnya wajar diberi perhatian bagi memastikan pengenalan dan pembudayaan terhadap nilai patriotisme ini dapat dipupuk dalam diri generasi pewaris negara bermula di peringkat rendah iaitu dari tahun 4 di semua sekolah rendah. Titik tolak permulaan ke arah kepentingan pembudayaan ini dilihat melalui pemerkasaan semula mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran teras di semua sekolah rendah secara berterusan melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mulai tahun 2014 (M.Kaviza, 2021).

Pembudayaan nilai patriotisme melalui mata pelajaran Sejarah ini juga tuntasnya mampu menyemai dan menyuburkan lagi keterikatan jiwa di kalangan masyarakat yang pelbagai kaum dan etnik di Malaysia. Namun, usaha ke arah pembudayaan ini hakikatnya perlu merentasi pelbagai isu dan cabaran sama ada dalam bidang pendidikan atau

sebaliknya. Justeru, tinjauan kajian literatur yang dilaksanakan ini bertitik tolak daripada isu mahupun cabaran yang dihadapi oleh guru Sejarah dalam proses pembudayaannya di peringkat sekolah seterusnya mampu memberi impak yang besar kepada pembentukan nilai patriotisme dalam kalangan masyarakat. Pelaksanaan terhadap usaha murni ini dilihat secara tidak langsung mampu menjadikan sistem pendidikan negara terlaksana dengan lebih sistematik dalam usaha untuk mencapai konteks penghayatan dan penjiwaan dalam diri murid berkaitan nilai patriotisme melalui mata pelajaran Sejarah.

Tambahan itu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan dasarnya turut menekankan pemupukan semangat patriotisme dalam kalangan murid yang dirangkumkan pada bahagian aspirasi murid (Zakaria et al., 2021). Oleh demikian, terbukti bahawa tinjauan kajian literatur yang dilaksanakan ini bergerak sejajar dengan dokumen dalam pelan ini yang sangat menekankan impak jangka masa panjang terhadap pembudayaan nilai patriotisme dalam kalangan pewaris negara kelak. Justeru, saranan dari pihak kerajaan melalui PPPM 2023-2025 ini secara asasnya perlu dizahirkan melalui peranan setiap individu termasuklah warga pendidik bagi merealisasikan matlamat, aspirasi serta kesanggupan berkorban demi negara dan diri sendiri. Maka, terbukti bahawa pembudayaan nilai patriotisme ini mempunyai keperluan yang besar dan mendalam untuk diketengahkan sepanjang masa kerana ianya menjadi salah satu tunjang keharmonian dan kestabilan negara. Oleh itu, kertas kerja telah dilaksanakan berteraskan objektif utama bagi mengkaji konteks Pembudayaan Nilai Patriotisme Melalui Mata Pelajaran Sejarah dalam Strategi Pengajaran Guru Sekolah Rendah.

## **2. Metodologi Kajian**

Reka bentuk kajian ini mengaplikasikan reka bentuk kualitatif berasaskan tinjauan kajian literatur iaitu berdasarkan tinjauan kajian atau sumber sekunder yang berkaitan tajuk yang dibincangkan. Pengkaji mengambil kira beberapa aspek penting dalam pemilihan reka bentuk yang bersesuaian dengan kajian ini misalnya dari aspek teknik pengumpulan data dan kaedah penghuraian iaitu bercorakkan deskriptif. Penerapan terhadap konsep ini dilihat seiring dengan keperluan kajian ini untuk memudahkan pemahaman pembaca terhadap kajian yang dilaksanakan ini. Pelaksanaan kajian mengikut reka bentuk kualitatif juga dapat memastikan matlamat utama kajian dapat diterjemahkan semaksima mungkin iaitu untuk menjana pengetahuan baru dengan menggabungkan dan membandingkan hasil yang diperolehi daripada pelbagai kajian mengenai suatu topik yang sama atau seiras (Lee Bih, 2023).

### **2.1 *Tatacara Pengumpulan Data***

Kajian yang dilaksanakan ini asasnya meletakkan teras metod pengumpulan data melalui tinjauan kajian literatur dengan merujuk sumber sekunder yang berkaitan dengan kajian. Pengkaji melaksanakan tatacara pengumpulan data dengan mengumpulkan kandungan-kandungan yang terdiri daripada kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan bidang kajian yang dikaji.

### **2.2 *Analisis Data***

Kajian ini merangkumi beberapa kandungan kajian-kajian lepas yang relevan berdasarkan skop dan bidang kajian iaitu strategi guru dalam membudayakan nilai patriotisme melalui mata pelajaran Sejarah sekolah rendah. Kertas kerja yang dilaksanakan berbentuk kualitatif

ini juga telah memberi ruang kepada pengkaji untuk melaksanakan kajian yang lebih bersifat sistematik seiring dengan konteks penyampaian yang lebih menyeluruh dan tertumpu.

### 3. Dapatan Kajian

Hasil dapatan kajian yang telah diperoleh dapat didedahkan bahawa tinjauan kajian literatur terhadap kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji sebelum ini dilihat sehaluan dan relevan serta mempamerkan beberapa keputusan yang utuh. Justeru, dapatan kajian yang telah diperoleh telah memberi gambaran terhadap pembudayaan nilai patriotisme melalui mata pelajaran Sejarah dalam strategi pengajaran guru sekolah rendah.



RAJAH 1: Dapatan kajian daripada tinjauan kajian literatur berkaitan dengan Strategi Pembudayaan Nilai Patriotisme melalui Mata Pelajaran Sejarah Sekolah Rendah

Sumber: Kajian Nurhijra (2021) yang bertajuk “Penerapan Nilai Patriotisme dalam Pengajaran Sejarah Sekolah Rendah: Cabaran Pelaksanaannya dalam Kalangan Guru Pelatih”.

#### 3.1 Aktiviti Pembelajaran

Berdasarkan tinjauan kajian literatur, menunjukkan bahawa aktiviti pembelajaran merupakan satu strategi penting yang perlu ditekankan oleh guru dalam memastikan pembudayaan nilai patriotisme dapat diterapkan dalam sesi pengajaran di sekolah rendah. Faktor ini tidak dapat dinafikan kerana kepelbagaian strategi aktiviti pembelajaran yang diterapkan oleh guru sememangnya memerlukan komitmen yang jitu bukan sahaja dari sudut peranan guru namun perlu ditafsirkan dari segi peranan murid sendiri dengan dorongan guru untuk menterjemahkan nilai patriotisme dalam diri. Aktiviti-aktiviti seperti tayangan video dalam bilik darjah semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung, aktiviti main peranan dalam konsep lakonan serta pengaplikasian strategi pembelajaran abad ke-21 (PAK-21) dalam aktiviti pembelajaran murid juga jelas memberi impak yang besar sekali gus menekankan keterlibatan murid semaksima mungkin. Sebagai contoh, aktiviti tayangan video dalam sesi pengajaran mata pelajaran Sejarah tahun 5 yang melibatkan tajuk Institusi Yang di Pertuan Agong serta tajuk pembelajaran Identiti Negara Kita. Justeru, konteks strategi pengajaran yang diserap dalam aktiviti pembelajaran ini secara tidak langsung akan memberi penghayatan pada tahap semaksima mungkin sekali gus mampu menghadirkan nilai patriotisme dalam diri murid.

Tinjauan kajian literatur turut mendapati bahawa hubungkait elemen media dengan aktiviti pembelajaran juga turut menjadi suatu strategi utama dalam membudayakan nilai patriotisme seiring dengan peranan mata pelajaran Sejarah di sekolah. Asas ini dikukuhkan lagi apabila elemen media merupakan satu medium penyampaian ilmu yang berkesan dalam menerapkan nilai patriotisme (Aishah et al., 2021). Hasil tinjauan kajian literatur menjelaskan bahawa empat faktor utama yang dimainkan oleh media baharu ialah dari aspek proses pembelajaran, pembinaan nilai patriotisme, persekitaran semasa serta aspek tingkah laku. Justeru, hasil analisis mendapati bahawa media baharu menampilkan pengaruh yang besar dalam membentuk tingkah laku untuk proses pembelajaran individu terutamanya di kalangan golongan muda. (Alivi et al., 2018).

Justeru, penghasilan kertas kerja ini juga turut membuktikan bahawa penyerapan elemen-elemen seumpama ini dalam aktiviti pembelajaran mampu memberi kesan yang cukup besar terhadap pembudayaan nilai di peringkat sekolah. Sebagai contoh, peranan guru dalam mengaplikasikan strategi pengajaran ini dapat diperhalusi melalui konsep tayangan video yang dimuat turun melalui Youtube. Pendekatan ini seiring dengan usaha pembinaan nilai patriotisme dalam diri individu generasi muda menjadi satu proses pembelajaran bagi membantu perkembangan minat yang mendalam terhadap patriotisme dalam persekitaran semasa (Rakhimjonovich & Erkinovna, 2020). Tambahan itu, analisis soroton literatur ini juga telah menunjukkan bahawa pembudayaan semangat patriotisme dalam strategi pengajaran guru mata pelajaran Sejarah seharusnya bergerak seiring dengan perubahan arus persekitaran dan perubahan dunia kini.

### **3.2 *Penjelasan dan Penegasan Nilai***

Kefahaman seseorang murid terhadap sesuatu elemen kehidupan serta nilai semestinya merupakan suatu faktor yang menjadi titik tolak utama dalam memastikan pembudayaan atau penyerapan nilai patriotisme dalam diri dapat dizahirkan terutamanya melalui mata pelajaran Sejarah di sekolah rendah. Kefahaman dan kejelasan terhadap sesuatu nilai patriotisme ini di kalangan murid semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung sewajarnya perlu dititikberatkan oleh guru sepanjang masa. Oleh yang demikian, tinjauan kajian literatur jelasnya turut mendapati bahawa setiap guru seharusnya memainkan peranan dengan menjadikan usaha sedemikian sebagai salah satu strategi pengajaran ke arah pembudayaan nilai patriotisme. Sebagai contoh, elemen-elemen penjelasan terhadap sesuatu nilai seperti patriotisme ini telah dilaksanakan oleh guru dengan cara penghuraian yang dibuat oleh guru berkaitan kepentingan rasa bangga terhadap diri sendiri, perasaan murid seterusnya dikembangkan lagi terhadap kepentingan kepada konteks yang lebih besar iaitu negara (Zakaria et al., 2021). Justeru, jelaslah bahawa soroton literatur ini menunjukkan bahawa strategi-strategi sedemikian perlu diserap dalam sesi pengajaran sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.

Seain itu, dapatan kajian lepas turut mendapati bahawa hubungkait antara penjelasan dan penegasan terhadap sesuatu nilai sememangnya penting dan sentiasa diberi penekanan dalam memastikan usaha ke arah pembudayaan nilai patriotisme berada pada landasan yang betul. Penegasan terhadap sesuatu nilai yang diajar menggunakan kepelbagaian cara atau pengulangan berkali-kali juga merupakan salah satu cara untuk menerapkan nilai-nilai dalam proses pengajaran dan pembelajaran kepada murid (Zakaria et al., 2021). Asas pelaksanaan terhadap strategi ini telah dianalisis berdasarkan kajian-kajian lepas mendapati bahawa strategi yang berkonsepkan penegasan seperti kaedah pengulangan ini ternyata telah memberi impak yang besar kepada murid untuk mengingati sesuatu nilai yang diberi penekanan

tersebut. Namun demikian, hasil perincian terhadap kajian lepas mendapati bahawa pelaksanaan strategi ini bukan dilaksanakan dengan sewenang-wenangnya mengikut kehendak mahupun keselesaan diri namun memerlukan komitmen yang tersendiri oleh guru. Sebagai contoh, elemen antonansi suara yang betul perlu digunakan oleh guru semasa membuat penegasan terhadap elemen berkaitan dengan nilai patriotisme sangat diberi penekanan oleh para pengkaji bagi memastikan objektif sebenar dapat dicapai dan diterima oleh murid.

### **3.3 Latihan dan Soal Jawab**

Strategi dan kemahiran guru dalam usaha menyerapkan nilai patriotisme dalam diri murid juga asasnya mampu dicetuskan sekiranya seseorang murid tersebut dapat memahami dan menguasai sesuatu nilai yang dipelajari dengan jelas. Soroton literatur membuktikan bahawa strategi pengajaran relevan dan sesuai yang diterapkan oleh guru kepada murid sekolah dilihat sebagai suatu asas yang amat penting dalam memastikan tahap penerimaan murid terhadap isi pembelajaran nilai patriotisme dapat dikenalpasti dengan menggunakan strategi yang tepat antaranya melalui struktur latihan selepas selesai sesi pembelajaran terhadap nilai patriotisme serta melaksanakan strategi soal jawab mengenai nilai untuk menjadikan murid berfikir tentang nilai yang perlu diamalkan. (Zakaria et al., 2021) Sebagai contoh, guru perlu memainkan peranan dengan mengemukakan soalan-soalan yang berbentuk struktur atau aneka pilihan jawapan berkaitan dengan nilai patriotisme yang diserap dalam sesi pengajaran Sejarah sama ada secara langsung atau tidak langsung sekali gus dapat menguji tahap keupayaan serta kefahaman murid terhadap nilai patriotisme tersebut. Justeru, tinjauan kajian literatur jelas menunjukkan kemahiran penggunaan pedagogi yang betul perlu diimplementasikan oleh setiap guru Sejarah dalam memastikan setiap strategi pengajaran yang digunakan dalam pengajaran mata pelajaran Sejarah terutamanya dalam usaha membudayakan nilai patriotisme tercapai semaksima mungkin.

### **3.4 Contoh Teladan yang Baik**

Keperibadian dan perwatakan guru merupakan suatu skop yang sangat meluas serta begitu penting kerana sentiasa menjadi perhatian dan ikutan oleh semua murid. Elemen ini tidak dinafikan kerana guru semestinya merupakan model atau suri teladan utama kepada masyarakat umumnya dan murid khususnya. Tinjauan kajian literatur mendapati bahawa elemen seperti tingkah laku dan komunikasi yang terzahir pada diri guru merupakan antara elemen yang akan diperhatikan oleh murid (Zakaria et al., 2021). Pernyataan ini terbukti apabila peranan yang dimainkan dari segi tingkah laku, perwatakan dan komunikasi oleh guru ini menjadi satu strategi pengajaran yang terlaksana secara tidak langsung kepada murid dalam menerapkan nilai patriotisme. Sebagai contoh, pembudayaan nilai patriotisme oleh guru dalam persekitaran harian di sekolah seperti berdiri semasa lagu kebangsaan iaitu lagu Negaraku dinyanyikan semestinya akan menimbulkan rasa hormat dan taat setia yang sama dalam diri murid yang melihatnya. Namun, demikian, hasil dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa strategi contoh teladan yang baik dizahirkan oleh golongan guru ini dilihat lebih berkesan sekiranya guru dapat menterjemahkan rasional kepada murid sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam bilik darjah bagi setiap tingkah laku atau perwatakan yang dizahirkan oleh guru.

Teladan dan ikutan yang baik yang dizahirkan oleh golongan guru ini juga boleh diklafikasikan sebagai satu strategi pengajaran dalam membudayakan nilai patriotisme melalui mata pelajaran Sejarah sekolah rendah berdasarkan kajian lepas yang mendapati bahawa guru merupakan watak utama sebagai penyampai ilmu kenegeraan (Samsu et al.,

2018). Hasil tinjauan kajian literatur secara terperinci turut menyatakan bahawa pendidikan Sejarah sememangnya merupakan medium atau wadah untuk memupuk semangat kenegaraan dalam diri individu dan masyarakat, warganegara yang setia serta mempunyai rasa bangga terhadap diri sebagai rakyat Malaysia. Justeru, usaha murni ini dapat diterjemahkan melalui kualiti yang menyeluruh dimiliki oleh guru untuk dipamerkan kepada murid sama ada ketika sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung atau secara tidak langsung iaitu dalam konteks luar bilik darjah.

Kualiti seseorang individu yang bergelar guru bukan sahaja merangkumi komponen utama seperti pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki namun turut melibatkan komponen seperti kualiti keperibadian yang ditonjolkan. Asas teladan yang baik ini secara dasarnya penting kerana guru merupakan pusat dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Wanner, 2018). Oleh itu, terbukti bahawa elemen-elemen perwatakan dan komunikasi yang dizahirkan oleh guru menjadi titik tolak terhadap keberhasilan usaha untuk membudayakan nilai patriotisme dalam kalangan murid bukan sahaja melalui mata pelajaran Sejarah namun turut melibatkan aktiviti dalam kehidupan harian. Tambahan dari itu, dapatan kajian lepas jelas dapat merumuskan bahawa penetapan terhadap perancangan kurikulum dan dasar yang bersesuaian turut mampu menerapkan sesuatu nilai yang ditetapkan melalui sistem pendidikan kini. Hal ini dibuktikan berdasarkan analisis yang dilaksanakan terhadap kajian lepas mendapati bahawa setiap individu yang bergelar pendidik seharusnya berusaha untuk mengembangkan dan meningkatkan lagi kualiti guru agar dapat menjadi lebih sempurna sebagai pendidik dan ejen pembina akhlak murid iaitu merangkumi nilai kehidupan (Teong, 2023). Justeru, asas teladan yang baik ini ternyata merupakan suatu keperluan yang perlu dimiliki oleh semua guru terutamanya oleh guru Sejarah dalam memastikan nilai patriotisme dapat diterjemahkan dalam diri murid sekali gus menjadi satu strategi pengajaran yang penting merangkumi konteks luar bilik darjah.

#### **4. *Perbincangan***

Pembudayaan nilai patriotisme secara jelasnya telah dilihat sebagai satu keperluan yang perlu diberi keutamaan oleh guru Sejarah untuk diserapkan dalam diri murid sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui mata pelajaran Sejarah. Asas ini kerana nilai patriotisme merupakan suatu amalan kebajikan, keperluan masyarakat nilai murni yang perlu dijiwai serta diamalkan oleh setiap lapisan masyarakat Malaysia (Mustafa Bas, 2016). Namun demikian, tinjauan kajian lepas mendapati bahawa terdapat pelbagai isu serta cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan strategi pengajaran mata pelajaran Sejarah untuk merealisasikan usaha murni pembudayaan nilai patriotisme dalam kalangan murid sekolah. Faktor kekangan waktu masa sesi pengajaran dan pembelajaran Sejarah yang dihadapi oleh guru ternyata menjadi salah satu faktor utama dalam melaksanakan strategi pembudayaan dalam pengajaran Sejarah. Asas ini tidak dinafikan mempunyai cabaran yang tersendiri apabila kebanyakan analisis kajian menunjukkan bahawa peruntukan masa bagi waktu mata pelajaran Sejarah hanya maksimum 30 minit sekali gus menyukarkan guru untuk menerapkan nilai patriotisme secara berkesan (Zakaria et al., 2021). Cabaran terhadap pelaksanaan yang dihadapi oleh golongan guru Sejarah ini ternyata dapat dibahaskan dengan terperinci kerana seseorang guru sememangnya turut mempunyai keperluan lain selain daripada peranan mengajar dalam usaha memastikan keberkesanan sesi pembelajaran murid tercapai mengikut objektif yang ditetapkan seperti keperluan untuk membuat pengurusan dan persediaan kelas bagi setiap sesi di awal pengajaran serta refleksi di akhir sesi.

JADUAL 1. Dapatan kajian yang diperolehi berkaitan dengan isu kekangan waktu pembelajaran yang terlampau singkat berdasarkan tinjauan kajian literatur

Peserta Kajian	Dapatan yang diperolehi
1	Faktor gangguan kelas boleh tercetus sekiranya sesi PdP bermula di awal pagi, selepas rehat atau waktu terakhir
2	Guru terpaksa menhgambil masa PdP untuk menguruskan elemen seperti kehadiran murid serta mencetuskan persekitaran yang normal sebelum PdP berlangsung
3	Guru mengambil masa PdP demi memastikan pelajar bersedia untuk mengikuti sesi PdP pada waktu tersebut termasuklah dengan mengurus tingkah laku murid

Sumber: Kajian Nurhijrah(2021) yang bertajuk “Penerapan Nilai Patriotisme dalam Pengajaran Sejarah sekolah Rendah: Cabaran Pelaksanaannya dalam Kalangan Guru Pelatih”.

Pembudayaan nilai patriotisme melalui mata pelajaran Sejarah juga tidak terlepas daripada isu tingkah laku murid sepanjang sesi PdP berlangsung. Analisis sorotan literatur berkaitan isu dan cabaran ini tidak dinafikan didapati bahawa cabaran yang dihadapi golongan guru Sejarah dalam konteks tingkah laku ini amat berkait rapat dengan kualiti persekitaran bilik darjah yang dimiliki ketika sesi PdP berlangsung (Che Nidzam;Noraini;Mazlini;Marzita, 2016). Faktor ini umumnya sangat bergantung kepada pelbagai aspek termasuklah dari segi keselesaan dan suasana yang dimiliki murid atau faktor fizikal sesebuah kelas tersebut. Sebagai contoh, antara elemen yang mampu mempengaruhi kualiti persekitaran bilik darjah ialah dari aspek saiz bilik darjah, tahap kualiti pengudaraan, pencahayaan serta elemen-elemen lain seperti pengudaraan bilik darjah. Faktor-faktor ini secara tidak langsung akan mencetuskan impak yang cukup besar kepada fokus dan tumpuan murid semasa sesi pembelajaran berlangsung sehingga boleh menyebabkan wujudnya tingkah laku yang agresif atau negatif di kalangan murid sehingga boleh merencatkan objektif utama sesi pengajaran guru dalam sesuatu sesi mata pelajaran Sejarah. Rentetan isu-isu sedemikian secara tidak langsung telah memberi kesan dari segi penghayatan dan penjiwaan murid terhadap nilai patriotisme yang cuba disampaikan oleh guru.

Dalam pada masa yang sama, elemen pembudayaan nilai patriotisme dasarnya turut berkait rapat dengan penghayatan dan faktor dalaman seseorang individu. Konteks pembudayaan seumpama ini umumnya memerlukan komitmen dan strategi guru yang jelas serta kepelbagaian variasi dari segi aktiviti mahupun kaedah penyampaian. Kekurangan variasi aktiviti sememangnya sentiasa menjadi salah satu isu dan cabaran yang sering ditimbulkan oleh guru mata pelajaran Sejarah terutamanya dalam usaha memupuk pembudayaan nilai patriotisme ini. Hal ini tidak dinafikan kerana usaha-usaha penerapan nilai-nilai khususnya patriotisme ini sememangnya sentiasa dilaksanakan secara tidak berfokus secara keseluruhan dalam satu sesi pembelajaran kerana penerapan elemen ini tidak



dikhususkan dalam satu tema atau tajuk khas. Asas ini kerana faktor pembudayaan ini hakikatnya sering kali hanya dilaksanakan secara tidak langsung semasa proses PdP (Zakaria et al., 2021). Sebagai bukti yang dapat dilihat secara jelas apabila kebanyakan guru hanya menerapkan nilai patriotisme ini dalam kadar yang minima seperti menyelitkan dalam topik-topik yang sesuai namun tidak secara keseluruhan. Justeru, isu dan cabaran ini dilihat amat menyukarkan guru untuk merancang seterusnya mengadaptasikan kepelbagaian strategi pembudayaan nilai patriotisme kepada murid.

## 5. Rumusan dan Cadangan

Intihannya, penghasilan kertas kerja berkaitan strategi guru dalam pembudayaan nilai patriotisme melalui mata pelajaran Sejarah di sekolah rendah ini sememangnya begitu meluas untuk dibahaskan seiring dengan kepentingan bidang ini. Asas-asas ini dapat dilihat apabila pelbagai strategi pengajaran guru yang telah dinalisis berdasarkan tinjauan kajian dapat dirangkumkan kajian ini. Kajian ini juga turut membuka ruang kepada pengkaji untuk membuat suatu kesimpulan yang utuh berkaitan bidang kajian merangkumi pelbagai konteks pembudayaan nilai patriotisme. Walaubagaimanapun, hasil sorotan literatur yang turut menampilkan isu dan cabaran yang dihadapi oleh guru Sejarah dalam merealisasikan hasrat murni untuk membudayakan nilai patriotisme melalui mata pelajaran Sejarah ini dapat dirumuskan antaranya berteraskan isu kekangan waktu PdP Sejarah yang singkat, faktor tingkah laku murid di dalam bilik darjah semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung dan isu yang melibatkan kekurangan variasi aktiviti pembelajaran yang boleh disulamkan dengan elemen pembudayaan. Namun, kepelbagaian isu yang timbul ini telah dinalisis dan diperincikan dengan pelbagai justifikasi tersendiri yang relevan dalam kertas kerja kajian ini.

Sungguhpun demikian, begitu jelas untuk diperincikan apabila pelbagai cadangan yang boleh diutarakan untuk mengatasi isu yang timbul antaranya melalui peranan guru sejarah di luar bilik darjah dengan memberi komitmen sepenuhnya seperti membudayakan nilai patriotisme melalui aktiviti harian di samping turut memastikan persekitaran bilik darjah yang disediakan bersifat sempurna dari aspek keselesaan murid, hubungan sosial dan keterlibatan murid dalam sesi pengajaran sekali gus dapat membantu guru mengawal keadaan bilik darjah dengan berkesan. Oleh itu, justifikasi-justifikasi cadangan yang diutarakan ini terbukti menunjukkan bahawa konsep pembudayaan terhadap sesuatu nilai kehidupan umumnya dan nilai patriotisme khususnya perlu diberi perhatian yang lebih oleh semua pihak terutamanya golongan pendidik. Aspek-aspek pembudayaan sedemikian juga wajar diperincikan serta diperhalusi dari semasa ke semasa mengikut rentak peredaran keadaan persekitaran kini mahupun yang melangkaui tahap pemikiran murid dan sebagainya. Akhir sekali, peranan guru yang dizahirkan melalui strategi pengajaran sememangnya tidak dapat dinafikan begitu besar dan sering menjadi perhatian masyarakat terhadap keberhasilan pembudayaan nilai sedemikian dalam kehidupan murid.

## Rujukan

- Aishah, Mohd Azul Mohamad Salleh, & Wan Amizah Wan Mahmud. (2021). Semangat Patriotisme Melalui Penggunaan Media Baharu dalam Kalangan Belia di Malaysia. *Malaysian Journal of Communication*, 37(4), 177–198.
- Alivi, M. A., Ghazali, A. H. A., Tamam, E., & Osman, M. N. (2018). A Review of New Media in Malaysia: Issues Affecting Society. *International Journal of Academic*

*Research in Business and Social Sciences*, 8(2), 12–29.  
<https://doi.org/10.6007/ijarbss/v8-i2/3849>

- Che Nidzam Che Ahmad; Noraini Mohamed Noh; Mazlini Adnan; Marzita Putih, M. (2016). Pengaruh Persekitaran Fizikal Bilik Darjah Terhadap Tahap. *ResearchGate, January*.
- Hamid, J. A., Esa, M. S., Ationg, R., Othman, I. W., Sharif Adam, S. D., Mohd Tamring, B. A., & Hajimin, M. N. H. H. (2021). Penerapan Patriotisme Dalam Kalangan Guru-Guru Sejarah Sekolah Menengah Di Sabah. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 6(23), 42–56. <https://doi.org/10.35631/ijlgc.623003>
- Lee Bih Ni. (2023). Memupuk Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Pengajaran Sejarah. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 81–87.
- M.Kaviza. (2021). Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah Dalam Pendidikan Sejarah : Satu Sorotan Kajian. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(11), 490–500.
- Mustafa Bas. (2016). The Evaluation of The University Students Patriotism Levels According to Gender, Age, Family Structure and Sports Activities. *European Journal of Education Studies*, 1–10.
- Rakhimjonovich, & Erkinovna. (2020). The sense of patriotisme as an important factor in the formtion of national unity. *Journal of Critical Reviews*.
- Samsu, K. H. K., Adnan, Z. H., Hie, Y. H., Awang, M. D., & Adlina Ab Halim. (2018). Peranan Guru Sebagai Agen Sosialisasi dalam Membentuk Perpaduan Kaum di Sekolah. *Akademika*, 88(2), 95–108.
- Sapie Sabilan, Lip, S. M., Ishak, M. F., Zainal, S., & Abidin, S. H. S. (2018). Konsep Penerapan Dan Penghayatan Nilai-Nilai Murni Berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). *Conference: International Conference On Moslem Society 2016At: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Bangi*, 1–13.
- Teong, L. K. (2023). Atribut Peribadi Guru yang Paling Ditekankan dan Mempunyai Konsensus dalam Sistem Pendidikan di Lapan Negara. *Journal of Education and Social Sciences*, 23(1), 1–16.
- Wanner. (2018). Formative self-and peer assessment for improved student learning: The crucial factors of design, teacher participation and feedback. *Assessment & Evaluation in Higher Education*, 1032–1047.
- Zakaria, N., Hamid Salleh, Mazuki Abd Razak, & Rahman, M. A. (2021). Penerapan Nilai Patriotisme dalam Pengajaran Sejarah Sekolah Rendah: Cabaran pelaksanaannya dalam Kalangan Guru Pelatih. *International Journal of Education and Training*, 7, 1–8.